

Industri pertanian terus sumbang pertumbuhan ekonomi negara

BH 1/9

➔ Agrobank ditubuh biyai projek pengairan bantu tingkat penanaman padi dua kali setahun

Sejarah perdagangan dan pembangunan industri di negara ini tidak harus dilupakan dalam kita meraikan 59 tahun kemerdekaan.

Pertanian menjadi satu penyumbang utama pertumbuhan ekonomi di Malaysia sepanjang 47 tahun yang lalu dan Agrobank berbangga kerana

Agrobank atau dahulunya dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia, iaitu sebuah bank milik Kerajaan ditubuhkan pada 1969 untuk membiayai projek pengairan

bagi membantu meningkatkan industri penanaman padi dua kali setahun di Kedah dan Perlis dengan menyediakan bantuan kredit kepada petani.

Pada 1980, Bank Pertanian Malaysia muncul sebagai penyedia perkhidmatan kredit terbesar dalam sektor pertanian luar bandar.

Pada 2008, Bank Pertanian Malaysia dikorporatkan dan secara komersialnya dikenali sebagai Agrobank iaitu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MOF) di mana pembiayaan bank untuk sektor pertanian adalah berpancukan kepada polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Tingkat peluang kewangan

Agrobank menyokong inisiatif Bank Negara Malaysia meningkatkan peluang kewangan dengan menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan kewangan yang berkualiti pada kadar yang berpatutan serta pembiayaan pada kadar yang kompetitif.

Pada 1 Julai 2015, Agrobank melakar satu lagi sejarah dengan menjadi Institusi Perbankan Islam sepenuhnya sekali gus memberi keyakinan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan terhadap urus niaga perniagaan patuh syariah yang ditawarkan Bank.

Bank menyediakan produk dan perkhidmatan pembiayaan yang komprehensif bagi memenuhi keperluan pengguna sasaran terutamanya untuk komuniti pertanian dan perniagaan.

Kini, Agrobank menawarkan pembiayaan rantai nilai penuh bagi sektor pertanian, merangkumi aktiviti hulu seperti bekalan input pengeluaran pertanian serta aktiviti hiliran seperti pemprosesan dan menjual produk pertanian kepada pelanggan.

Ini adalah sebahagian daripada inisiatif Bank untuk meluaskan akses pembiayaan. Agrobank juga baru-baru ini memperkenalkan program pembiayaan khas untuk orang kurang upaya (OKU) yang dikenali sebagai Agro Bakti di mana ob-

jektifnya adalah untuk menggalakkan usahawan pertanian OKU bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

Fasa pertama transformasi

Pertanian adalah satu aktiviti ekonomi utama di Malaysia, walaupun sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) menurun sejak tahun 1970 daripada 28.8 peratus kepada 9.2 peratus pada 2014, tetapi dari segi nilai mutlak, ia meningkat daripada RM51.3 bilion pada 2010 kepada RM58 bilion pada 2014.

Menurut Presiden Agrobank/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Wan Mohd Fadzi, Agrobank baru sahaja selesai fasa pertama transformasinya dan kini sedang bersedia bagi melancarkan fasa kedua transformasi Bank.

"Melihat kepada perkembangan industri makanan hari ini bank perlu mengkaji semula kedudukan mereka. Untuk melaksanakan peranan dengan berkesan di alaf ba-

haru ini, institusi perbankan perlu lebih kukuh, mudah bangkit dan inovatif dalam menyediakan pembiayaan," kata beliau.

Pada masa ini, portfolio pembiayaan bank yang dimandatkan adalah terdiri daripada 92 peratus pertanian primer dan 8 peratus asas tani yang mana 51 peratus daripada keseluruhan pembiayaan disalurkan kepada pertanian primer.

"KDNG untuk sektor pertanian diunjur akan mencapai RM93.2 bilion dan jumlah ini dijangka akan mencecah RM110.7 bilion menjelang 2020," katanya.

Pada separuh 2016, Agrobank merekodkan pembiayaan tertinggi dengan jumlah RM8.1 bilion iaitu tertinggi dicatat sejak lima tahun.

Untuk separuh tahun 2016, Agrobank mencatatkan jumlah pembiayaan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM4.9 bilion untuk sektor pertanian primer yang mana 60.6 peratus atau RM3.0 bilion adalah daripada segmen agro mak-